

## *Penggunaan Simili dalam Penulisan Karangan Naratif*

**Norsuhana Sahmat**

norsuhana\_sahmat@moe.edu.sg

**Norwati Sulaiman**

norwati\_sulaiman@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Punggol

### *Abstrak*

Guru dapati murid-murid Darjah 4 berkebolehan menulis karangan bergambar dengan mengikuti jalan cerita dan kekata bantuan yang diberikan. Namun, karangan yang dihasilkan kurang menunjukkan penguasaan bahasa yang diharapkan guru bagi mendapatkan markah yang lebih tinggi dalam bahagian bahasa. Justeru, guru telah menerapkan Bahasa Figuratif jenis Simili dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis untuk mengukuh dan menambah nilai ayat-ayat yang dibina oleh murid. Simili dipilih memandangkan murid-murid sudah biasa dengan kata-kata adjektif yang boleh dikaitkan dengan pengajaran simili. Hasil daripada penggunaan bahasa figuratif ini, karangan murid lebih menarik dan markah bagi bahagian bahasa meningkat. Karangan murid lebih bermutu dari segi bahasa, justeru menggalakkan murid untuk terus berusaha mencari simili-simili yang sesuai untuk digunakan dalam penulisan mereka.

Kata Kunci: simili, bermutu, penulisan, penguasaan bahasa



## PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid-murid darjah rendah. Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah Kementerian Pelajaran 2008, hasil pembelajaran umum bagi peringkat Darjah 4 adalah berupaya untuk menulis teks prosa (naratif, deskriptif, fungsional) dan puisi berdasarkan panduan atau rangsangan.

Murid didapati boleh mengarang dengan menggunakan panduan atau rangsangan yang diberi. Namun, karangan yang dihasilkan itu kurang menunjukkan penguasaan bahasa yang diharapkan. Karangan murid didapati lemah dalam segi gaya bahasa.

Maniyamin Hj Ibrahim (2006) menjelaskan bahawa gaya bahasa terbit daripada usaha penulis memanipulasi bahasa yang sedia ada. Tujuan manipulasi bahasa dilakukan adalah untuk mencari perkataan atau ungkapan atau frasa yang serasi dengan mesej di samping menghasilkan keindahan bunyi perkataan atau ungkapan atau frasa dalam karya dan menimbulkan kesegaran dan keberkesanan karya kepada pembaca atau pendengar.

Justeru, guru mengambil langkah untuk membantu murid meningkatkan mutu karangan murid-murid dengan menerapkan salah satu gaya bahasa atau Bahasa Figuratif iaitu Simili dalam karangan mereka. Penggunaan Simili akan membuat karangan mereka lebih menarik dan memberi kesan kepada pembaca.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. meningkatkan mutu bahasa karangan murid dengan menggunakan gaya bahasa simili dalam karangan daripada senarai simili yang disediakan; dan
2. menggalakkan penggunaan bahasa yang segar, indah dan menarik.



## PERNYATAAN MASALAH

Karangan murid didapati kurang dalam penggunaan gaya bahasa untuk membuat karangan mereka lebih menarik. Murid-murid hanya menggunakan kekata panduan yang diberi untuk menyampaikan idea dalam karangan mereka. Hal ini menyebabkan murid tidak dapat markah yang tinggi dalam bahagian bahasa. Maka itu, murid akan didedahkan kepada penggunaan simili dalam karangan untuk meningkatkan mutu karangan mereka.

## KAJIAN LEPAS

Yahya Othman (2012) menjalankan kajian pengajaran mengenai penggunaan gaya bahasa dalam penulisan karangan naratif pelajar prauniversiti di Brunei menunjukkan terdapat variasi penggunaan gaya bahasa dalam penulisan karangan naratif. Dapatan kajiannya mendapati bahawa gaya bahasa perbandingan simili kerap digunakan oleh 19 sampel (47%).

Satu kajian pengajaran dijalankan oleh Nuraishah Mahmood dan Sanisah Rahim (2014) bagi meningkatkan kemahiran murid menulis karangan yang lebih baik dengan mengaplikasikan frasa berbunga. Kajian mereka menunjukkan bahawa penggunaan frasa berbunga dapat membantu murid menggambarkan sesebuah situasi dengan lebih jelas, meningkatkan mutu dan keindahan penulisan murid.

## KAEDAH KAJIAN

Pada awal tahun 2015, guru-guru telah menghadiri bengkel Penggunaan Bahasa Figuratif Dalam Penulisan Karangan Naratif Sekolah Rendah yang dijalankan di Pusat Bahasa Melayu Singapura. Dalam bengkel ini, penggunaan Bahasa Figuratif jenis simili, metafora, hiperbola dan personifikasi telah didedahkan kepada murid-murid Darjah 5.

Guru-guru yang hadir bengkel ini berpendapat bahawa bahasa figuratif ini boleh didedahkan kepada murid-murid Darjah 4 secara bertahap. Memandangkan murid-murid sudah didedahkan kepada aspek kata adjektif, simili, salah satu bahasa figuratif, boleh didedahkan kepada murid-murid Darjah 4 kerana hampir semua simili bermula dengan kata adjektif.



Melalui pendekatan didik hibur, guru menyediakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik bagi memikat hati para pelajar. Guru menggunakan bahan-bahan maujud, permainan bahasa, nyanyian serta klip-klip video untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Justeru, dapat membantu murid memahami penggunaan simili lalu menggunakannya dalam karangan mereka.

## **Subjek Kajian**

Kumpulan sasaran bagi kajian ini ialah 25 orang murid Bahasa Melayu Darjah 4. Mereka terdiri daripada murid yang bertahap sederhana dan cemerlang.

## **Instrumen Kajian**

Guru menjalankan satu sesi penulisan karangan yang mana markah gaya bahasa mereka diambil bagi meneliti kemampuan mereka dalam aspek tersebut. Sebagai satu pendedahan kepada simili, murid-murid telah diajar secara kaedah didik hibur agar mereka didedahkan kepada pelbagai jenis simili. Aktiviti menonton video, permainan bahasa dan juga nyanyian telah dimasukkan dalam pengajaran simili ini agar murid-murid dapat menggarap cara penggunaan simili dengan baik dalam persekitaran yang menghiburkan mereka. Borang maklum balas pula digunakan untuk meneliti maklum balas mereka dalam pengajaran simili. Selain itu, lembaran kerja serta aktiviti penulisan secara bertahap telah diadakan untuk menguji pemahaman mereka dalam penggunaan simili. Senarai semak juga telah disediakan dan digunakan sewaktu penulisan individu sebagai peringatan kepada murid-murid untuk menyertakan aspek-aspek tertentu yang seharusnya ada dalam penulisan karangan mereka.

## **Prosedur Kajian**

Sebelum pengajaran gaya bahasa simili ini dilaksanakan, satu praujian telah dijalankan, untuk melihat gaya bahasa murid-murid dalam penulisan karangan. Ini diikuti dengan perbincangan antara guru-guru untuk merancang bahan-bahan yang sesuai dalam pengajaran simili kepada murid-murid.



## Kitaran Pertama

Proses pendedahan kepada gaya bahasa simili dilakukan selama dua minggu. Pada minggu pertama, guru mengimbas kembali kata adjektif bersama murid-murid. Guru telah menunjukkan bahan-bahan maujud seperti lidi, kapas, batu, pasir dan arang untuk mencungkil pengetahuan sedia ada murid-murid mengenai kata adjektif. Dari situ, murid-murid menonton sebuah video untuk memberi gambaran kepada mereka apakah kaitan kata adjektif dengan gaya bahasa simili dan secara tidak langsung juga murid-murid didedahkan kepada penggunaan simili dalam ayat. Setelah itu, guru akan memberi penerangan kepada murid-murid mengenai simili, pembinaan simili dan kesan penggunaannya dalam karangan mereka.

Langkah seterusnya memerlukan murid-murid untuk menonton sebuah video dan menyenaraikan seberapa banyak kata adjektif yang boleh dibina menerusi video tersebut. Ini diikuti dengan bahagian *modeling* yang mana guru akan menunjuk cara membina simili; mengaitkan sebuah objek dengan kata adjektif yang telah disenaraikan. Kemudian, guru akan menunjukkan cara penggunaan simili dalam pembinaan ayat. Seterusnya, murid-murid melakukan kerja berpasangan dalam bentuk lembaran kerja. Menerusi gambar tersebut, murid-murid perlu menjana tiga simili dan menulis ayat mengenai gambar yang diberi. Simili yang telah mereka hasilkan perlu digunakan dalam perenggan yang telah dikarang. Guru akan memilih hasil kerja beberapa kumpulan untuk dikongsi dan disemak di hadapan kelas.

## Kitaran Kedua

Bagi proses pendedahan seterusnya, pengajaran dimulakan dengan sesi nyanyian bersama-sama. Lagu yang dinyanyikan beramai-ramai ini mengandungi simili. Setelah lagu dinyanyikan, guru menggunakan simili yang terdapat dalam seni kata lagu tersebut untuk membantu murid-murid mengingat semula gaya bahasa yang diajarkan kepada mereka pada minggu yang lalu. Kemudian, murid-murid diajak untuk bermain satu permainan bahasa dalam bentuk *charade*. Setiap kumpulan akan menghantar seorang wakil yang akan melakonkan simili yang akan diteka oleh kumpulan yang lain. Seterusnya, murid-murid akan diterangkan mengenai aktiviti penulisan



yang perlu dilakukan secara berpasangan. Kali ini murid-murid akan menjana simili dan menulis satu perenggan ringkas mengenai gambar yang diberi. Pada akhir pengajaran, murid-murid akan diberi borang maklum balas untuk mendapatkan respons mereka mengenai pengajaran simili.

### **Kitaran Ketiga**

Pada minggu ketiga ini, masa ini telah dikhususkan untuk penulisan karangan secara individu. Murid-murid diterangkan mengenai karangan yang perlu dihasilkan dan senarai semak yang disertakan. Setelah itu, murid-murid menghasilkan karangan secara individu.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Semasa kajian dijalankan ke atas murid-murid Bahasa Melayu Darjah 4, guru dapati bahawa penggunaan gambar, animasi serta objek maujud sangat membantu murid-murid membina frasa simili. Walaupun harus dibimbing guru secara berperingkat, murid-murid memahami dengan lebih jelas teknik membina simili. Frasa-frasa simili yang dibina juga betul dan tepat.


Selepas satu sesi pengajaran dan pembelajaran sahaja, kebanyakan murid didapati boleh menggunakan simili dalam ayat walaupun ada yang keliru dalam pembinaan atau penggunaan simili.

Kesedaran terhadap kebolehan menggunakan simili dalam penulisan karangan telah meningkatkan keinginan murid-murid untuk menulis karangan. Murid-murid dapat menggunakan kemahiran mereka dalam golongan kata adjektif yang telah dipelajari sejak darjah satu walaupun komponen bahasa tersebut sudah tidak lagi dinilai dalam ujian penggal atau semester di darjah empat.

Berikut ialah rajah perbandingan penggunaan simili dalam karangan ujian SA1 dan SA2.



**Rajah 1: Perbandingan Penggunaan Simili dalam Karangan Ujian SA1 dan SA2**



## **KESIMPULAN**

Melalui dapatan ini, para guru berpendapat bahawa bahasa figuratif harus diajarkan secara eksplisit kepada murid-murid sejak darjah tiga, bermula dengan frasa simili. Bahasa figuratif yang lain juga perlu diajarkan di peringkat atas; personifikasi untuk Darjah 4 serta hiperbola dan metafora untuk Darjah 5. Dengan ini, murid-murid diharapkan dapat menggunakan pelbagai jenis bahasa figuratif dalam penulisan karangan apabila berada dalam Darjah 6.

### **Nota:**

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Mahirah Mohd Thoimi



## RUJUKAN

*Didik Hibur: Pembelajaran Bahasa Melalui Permainan.* (2014). Pusat Bahasa Melayu Singapura

Maniyamin Haji Ibrahim, (2009). *Gaya Bahasa Kiasan.* Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.

*Penggunaan Bahasa Figuratif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis (Sekolah Rendah)* Pusat Bahasa Melayu Singapura Sukatan Pelajaran Melayu 2015. Hlm 20-22

Yahya Othman, (2012). *Penggunaan Gaya Bahasa dalam Penulisan Karangan Naratif Pelajar Prauniversiti di Brunei Darussalam dlm Journal of Applied Research in Education:* Brunei: University of Brunei Darussalam

<http://www.ubd.edu.bn/resources/docs/jare%20journal/vol15/penggunaan%20gaya%20bahasa%20dalam%20penulisan%20karangan.pdf>

[http://www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg/files/paper\\_14.pdf](http://www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg/files/paper_14.pdf)

